

**KEPENTINGAN SEKTOR PEMBUATAN DALAM PERTUMBUHAN
EKONOMI WILAYAH DI MALAYSIA
(THE IMPORTANCE OF MANUFACTURING SECTOR IN THE REGIONAL
ECONOMIC DEVELOPMENT IN MALAYSIA)**

HASNAH ALI, SANEP AHMAD, NORAZIAH ALI & ZAKIMI IBRAHIM

ABSTRAK

Sejak hujung 1980-an, penempatan di Lembah Klang mengalami proses perkembangan yang mendadak akibat perluasan aktiviti pembuatan dan perkhidmatan. Sememangnya sektor pertanian, perindustrian dan perkhidmatan menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi wilayah. Namun demikian untuk memastikan sektor mana kah sebenarnya yang sangat penting dan berpotensi dalam menjanakan pertumbuhan ekonomi, maka kajian ini dijalankan. Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti sektor yang berpotensi dalam menjana pertumbuhan ekonomi wilayah di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengenalpasti industri atau sektor manakah yang mendatangkan faedah berbanding kepada wilayah atau negeri yang dikaji. Analisis *Location Quotient* (LQ) dan *Shift Share* akan digunakan. Analisis *Shift Share* merupakan satu cara untuk melihat kepada kebersaingan bagi wilayah-wilayah dan menyediakan gambaran bagaimana campuran wilayah bagi industri berfungsi atau berprestasi. Enam wilayah yang terdiri daripada Wilayah Tengah, Wilayah Utara, Wilayah Timur, Wilayah Selatan, Sabah dan Sarawak telah diambil kira dalam pengiraan indeks *LQ* dan *shift share*. Hasil yang didapati jelas menunjukkan bahawa wilayah maju masih mendominasi penjana ekonomi dari segi penjana pekerjaan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berbanding wilayah mundur yang masih dalam tahap perlahan bagi penjana ini.

Kata kunci: sektor perindustrian, analisis *LQ*, analisis *shift share*, pertumbuhan ekonomi.

ABSTRACT

Since the end of 1980s, the population in Klang Valley has grown rapidly due to the expansion in the manufacturing and services activities. It is undeniable that the agricultural, industrial and service sectors contribute to the growth and development of regional economy. As such, in identifying on the sector that is most important and has the potential in generating economic growth, this study is undertaken. Thus, this study is undertaken as to identify the industry or sector that will bring in benefits to the region or state under study. The Location Quotient (LQ) and the Shift Share analyses are employed. The Shift analysis is a method in observing the competitiveness of the regions, and to provide information on how the mixed regions for the industry perform or function. The six regions under study, the Central Region, Northern Region, Eastern Region, Southern Region, Sabah and Sarawak are considered in the index calculation of the LQ and shift share. Result of study shows that the developed regions still dominate the generating of economy in terms of jobs creation in the manufacturing and services sectors as compared to those regions that in the developing stage.

Keywords: industrial sector, LQ analysis, shift share analysis, economic growth

1. Pendahuluan

Sebelum merdeka lagi Malaysia telah mengkhusus dalam sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan negara. Namun, mulai tahun 1980an tumpuan Malaysia beralih kepada mengutamakan sektor pembuatan berbanding pertanian. Sektor pembuatan sering dikaitkan dengan kemasukan jumlah modal yang besar serta perkembangan teknologi ke sesebuah kawasan. Justeru itu, sektor pembuatan dilihat sebagai pemangkin utama kemajuan ekonomi sesebuah wilayah. Dengan pelbagai kemudahan yang disediakan, tentunya kawasan wilayah maju dapat menarik para pelabur luar dan tempatan untuk membuka industri di kawasan ini dan seterusnya menarik minat ramai tenaga kerja untuk berkhidmat di kawasan maju berbanding kawasan kurang maju. Diketahui kawasan Lembah Kelang seperti Selangor sejak dari dulu menjadi tempat letakan industri berbanding negeri lain terutamanya bagi negeri seperti pantai timur dan utara. Ini kerana banyak pelabur lebih suka tertumpu kepada kawasan yang sudah sedia ada pelbagai kemudahan asas yang memudahkan urusan perkilangan mereka.

Jadi kegiatan sektor pembuatan dilihat cenderung untuk bertumpu di negeri-negeri tertentu. Bagi negeri Johor pula, berdekatan dengan negara jiran Singapura semestinya dapat membantu perkembangan kepesatan industri di kawasan tersebut. Kawasan pantai timur dan utara dikatakan selalu dipinggirkan dan lebih banyak bergantung kepada perusahaan kecil dan sederhana.

Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti sektor manakah yang sememangnya memainkan peranan penting serta berpotensi dalam menjana pertumbuhan ekonomi wilayah di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengenalpasti industri atau sektor manakah yang mendatangkan faedah berbanding kepada wilayah atau negeri yang dikaji. Penulisan ini dibahagi kepada 5 bahagian. Bahagian 1 sedikit pengenalan dan objektif kajian diikuti oleh metodologi dalam bahagian 2. Bahagian 3 menceritakan sedikit sorotan kajian dan bahagian 4 memaparkan hasil kajian dan diakhiri dengan implikasi dasar dan kesimpulan dalam bahagian 5.

2. Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, model regresi digunakan bagi tujuan analisis. Semua data bersifat siri masa dan akan diaplikasikan dalam perisian Econometric Views atau dikenali dengan mudah sebagai E-Views dan setiap hasilnya dapat ditunjukkan dalam bentuk persamaan dan jadual. Pembentukan model bagi setiap kategori akan diperjelaskan bagi memudahkan ujian dilaksanakan bagi menentukan sejauh mana perhubungan di antara pembolehubah bersandar dan bebas berhubungan antara satu sama lain.

$$\ln(GDP) = \beta_0 + \beta_1 \ln(L) + \beta_2(FDI) + \beta_3 \ln(PD) + \mu$$

dengan,

KDNK	=	Keluaran Dalam Negara Kasar
PD	=	Pelaburan Domestik
FDI	=	Pelaburan Langsung Asing
L	=	Gunatenaga dalam sektor pembuatan
μ	=	ralat

Bagi mencapai objektif untuk mengenalpasti sektor manakah yang telah memberi dan berpotensi untuk memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan wilayah ialah menggunakan pendekatan analisis *Location Quotient* (LQ) dan juga analisis *shift-share*. LQ merupakan satu indeks untuk membandingkan perkongsian aktiviti sesuatu kawasan dengan kawasan secara agregat. Ia dapat menunjukkan sama ada agihan sesuatu aktiviti tersebut terdapat penumpuan dalam sesuatu kawasan atau ia diagihkan secara seimbang. Pembolehubah yang boleh digunakan sebagai alat ukur untuk menghasilkan koefisien LQ ialah jumlah guna tenaga atau jumlah pengeluaran bagi aktiviti ekonomi yang dikaji.

Pendekatan LQ ini boleh dilakukan dengan mudah, cepat dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Pengiraan indeks LQ dapat dinyatakan menerusi persamaan matematik berikut:

$$LQ = [a_i/b_i] / [A_a/B_i]$$

a_i	=	Jumlah guna tenaga dalam sektor i dalam negeri S
b_i	=	Jumlah guna tenaga dalam negeri S
A_a	=	Jumlah guna tenaga dalam sektor i dalam ekonomi Negara n
B_i	=	Jumlah guna tenaga dalam ekonomi n

Nilai indeks LQ yang diperolehi boleh distruktur dan ditakrifkan seperti berikut:

Jika $LQ > 1$ menunjukkan bahawa perkongsian aktiviti i di kawasan tersebut berlaku penumpuan / konsentrasi berbanding agregat.

Jika $LQ = 1$ menunjukkan bahawa perkongsian aktiviti i di kawasan tersebut seimbang berbanding agregat.

Jika $LQ < 1$ menunjukkan bahawa perkongsian aktiviti i di kawasan tersebut berlaku kekurangan konsentrasi berbanding agregat.

2.1. Analisis Shift-Share

Shift share lebih kurang sama dengan LQ yang mana ia dapat keunikan ekonomi wilayah, tetapi ia melibatkan pertumbuhan pekerjaan daripada jumlah pekerjaan dalam industri. Industri dengan kebersaingan wilayah yang tinggi dapat mengetahui kelebihan dan kekurangan saingan bagi sesuatu wilayah tersebut. *Shift share* tidak menunjukkan mengapa industri ini bersaing tetapi ia lebih menunjukkan sektor mana yang 'out-competing' atau 'under-competing' negara. Selain itu, *shift share* juga berguna dalam mengenalpasti sasaran pelaburan, maka pemegang saham tempatan boleh membantu industri wilayah yang bersaing ini untuk sama ada menyambung untuk 'outperform' trend negara atau 'catch up' dengan trend negara supaya ekonomi wilayah tidak ketinggalan dalam sektor tersebut. Penggunaan asas *shift share* ialah untuk mencegah interpretasi yang kurang tepat mengenai bilangan pertumbuhan pekerjaan. Selain itu *shift share* ialah satu cara untuk melihat kepada kebersaingan bagi wilayah-wilayah, menyediakan gambaran bagaimana campuran wilayah bagi industri berfungsi atau berprestasi, menunjukkan bagaimana satu industri berfungsi atau dijalankan, menganalisis industri secara individu atau ekonomi keseluruhannya dan selalunya dilihat kepada gunatenaga atau pekerjaan dan boleh dipecahkan kepada 3 komponen iaitu 1) *national share*, 2) *industry mix* dan 3) *regional shift*.

National share (NS) ialah pecahan kepada pertumbuhan gunatenaga bagi wilayah dan pertumbuhan bagi ekonomi. Jika industri wilayah bertumbuh pada kadar pertumbuhan industri keseluruhannya, apakah keputusannya?

$$\left(\frac{E_{US}^t}{E_{US}^{t-1}} - 1 \right)$$

$$NS_{ir}^t = E_{ir}^{t-1} \times$$

dengan,

t = tempoh masa kini $t-1$ = tahun sebelumnya
 i = spesifik industri r = spesifik wilayah

Industry mix (IM) ialah mengupas berapa banyak pertumbuhan dapat merujuk kepada campuran industri bagi wilayah? Turut menganggar berapa banyak pekerjaan dapat dicipta/ atau tidak dicipta bagi setiap industri berlawanan kepada perbezaan dalam industri dan kadar pertumbuhan keseluruhannya

$$IM_{ir}^t = E_{ir}^{t-1} \times \left[\begin{array}{c} \left(\frac{E_{iUS}}{E_{iUS}^1} \right) \\ \left(\frac{E_{rUS}}{E_{rUS}^1} \right) \end{array} \right]$$

dengan,

t = tempoh masa kini $t-1$ = tahun sebelumnya
 i = spesifik industri r = spesifik wilayah

Regional shift (RS) pula mengupas kepada berapa banyak pekerjaan dapat dicipta/ atau tidak dicipta hasil daripada kebersaingan bagi wilayah-wilayah? Antara komponen yang paling penting ialah mengenalpasti industri yang penting dan kurang penting.

$$RS_{ir}^t = E_{ir}^{t-1} \times \left[\begin{array}{c} \left(\frac{E_{ir}}{E_{ir}^1} \right) \\ \left(\frac{E_{iUS}}{E_{iUS}^1} \right) \end{array} \right]$$

dengan,

t = tempoh masa kini $t-1$ = tahun sebelumnya
 i = spesifik industri r = spesifik wilayah

Analisis indeks *LQ* dan *shift share* bagi kajian ini dikira mengikut pembahagian enam wilayah berikut:

- Wilayah Utara (Kedah, Perlis, Perak dan Penang)
- Wilayah Tengah (Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan)
- Wilayah Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang)
- Wilayah Selatan (Johor)
- Sabah
- Sarawak

3. Kajian Lepas

Kaldor (1967), mendapati bahawa sektor pembuatan memainkan peranan penting dalam proses pembangunan. Daripada kajiannya, beliau menyimpulkan bahawa sektor pembuatan adalah sektor yang paling dinamik dalam ekonomi dan dianggap sebagai enjin pertumbuhan. Kepentingan sektor pembuatan sebagai enjin pertumbuhan turut dibincangkan oleh ahli ekonomi lain iaitu seperti Hirschman (1958) yang mana ideanya bagi rangkaian ke hadapan dan

kebelakang. Termasuk juga Rosenstein-Rodan (1943), Rostow (1960), dan Solow (1970). Sementara itu, Leon-Ledesma (2000), menguji hukum Kaldor di seluruh wilayah Sepanyol. Beliau menunjukkan bahawa berlaku hukum pulangan bertambah dalam sektor pembuatan. McCoy dan McNamara (1998), melihat kepada sektor pembuatan di Indiana, Amerika Syarikat. Didapati sektor pembuatan merupakan komponen penting dalam ekonomi secara keseluruhannya iaitu merangkumi 13 peratus bagi jumlah gunatenaga pada 1995 (County Business Pattern). Di Indiana lebih jelas kepentingannya kerana sektor pembuatan merangkumi 27 peratus daripada jumlah tenaga kerja. Antara 1983-1995, pertumbuhan sebanyak 18 peratus gunatenaga berlaku dalam sektor pembuatan. Kepentingan sektor pembuatan ini bukan hanya sebagai sumber utama gunatenaga akan tetapi turut sebagai penyedia gaji dan upah yang tinggi bagi pekerja.

Joel Popkin dan Company (2003), menunjukkan faedah yang disediakan oleh sektor pembuatan terhadap ekonomi Amerika Syarikat secara keseluruhannya- daripada hal-hal perniagaan dan isirumah kepada kerajaan pusat dan negeri. Ia turut menjelaskan proses inovasi dalam sektor pembuatan. Selain itu beliau juga mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan masalah dalam proses penjanaan sektor pembuatan. Antaranya ialah pemulihan sektor pembuatan semasa proses pengembangan ekonomi adalah berbentuk 'anemic' berbanding dengan pengembangan yang lalu; telah berlaku kejatuhan yang mendadak dalam pekerjaan dalam sektor pembuatan, kerugiannya, potensi kekurangan tenaga mahir, pendidikan dan latihan tenaga kerja yang dapat mempromosikan pertumbuhan produktiviti; terdapat juga tanda bahawa sektor pembuatan tidak dapat menandingi kepesatan untuk perbelanjaan R&D yang menjurus kepada inflasi dan sebahagian daripada sektor pembuatan di Amerika Syarikat menghasilkan produk mentah dan primer, dan tidak membina fasiliti baru.

Hamri Tuah and Shazali Abu Mansor (2004), mencadangkan pertumbuhan output pembuatan adalah penting dalam mempengaruhi jumlah output pertumbuhan berbanding sektor lain dalam proses pertumbuhan dan pembangunan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand. Selain itu, mereka juga mendapati bahawa pertumbuhan dalam sektor pembuatan akan membawa kepada peralihan buruh dari sektor lain dalam ekonomi yang mana akan meningkatkan produktiviti dalam sektor ini. Walaubagaimanapun, sektor pertanian dan perkhidmatan tidak menyediakan skop yang sama dalam pembahagian buruh serta pengkhususan antara sektor mereka masing-masing. Dalam kajian ini juga, mereka mencadangkan kerajaan di Asia Tenggara seharusnya menggalakkan peralihan sumber daripada pertanian kepada industri dalam usaha untuk mencapai pertumbuhan dan pembangunan yang pesat.

Kearns (1997) menggunakan data mikro dalam mengkaji hubungan antara aktiviti R&D dan pertumbuhan gunatenaga dan juga melihat kepada perbezaan hubungan dalam pertumbuhan R&D antara firma asing dan indigenous. Hasilnya, mereka mendapati penciptaan gunatenaga bersih untuk firma yang aktif dalam R&D, dikombinasi dengan prestasi yang baik dalam sektor berteknologi tinggi.

Frank dan Park (2002), membandingkan prestasi produktiviti untuk 2 buah negara yang berkembang pesat iaitu Korea Selatan dan Taiwan dengan menggunakan padanan sektor pembuatan melalui pencarian Indeks Malmquist Produktiviti dan empat komponennya dengan kaedah visual dan analisis korelasi. Mereka mendapati produktiviti secara keseluruhannya beserta kadar pertumbuhan teknologi Korea adalah lebih rendah daripada Taiwan.

Rajiv dan Gupta (2008), mendapati bahawa sektor pembuatan di India mempunyai pelbagai variasi bagi wilayah dan terdapat dualisme antara segmen yang diorganisasi dan juga yang tidak berorganisasi pada tahap upah dan produktiviti. Penyerapan tenaga buruh dalam sektor pembuatan adalah lemah dan akibat kejatuhan dalam intensiti buruh dalam sektor ini.

Selain itu, walaupun berlaku perubahan yang signifikan dalam eksport bagi 20 tahun lepas, India masih memegang peranan kecil dalam tahap global, terutamanya dalam intensif teknologi dan produk teknologi tinggi. Akhir sekali, kajian mereka mendapati India mempunyai potensi untuk berkembang kepada hub bagi pembuatan massa. Kekangan utama untuk mencapai perkara tersebut, hanyalah disebabkan lemah dari segi R&D, kekurangan tenaga mahir dan nilai kemasukkan FDI yang rendah.

Berkaitan aplikasi analisis *shift share* untuk peramalan, ia melibatkan pengiraan kesan persaingan untuk ekonomi tempatan dan kemudian membawa kesan persaingan ini ke satu tempoh dalam kombinasi dengan negara dan pertumbuhan sektoral yang diramal daripada model lain. Selalunya ia memerlukan andaian bahawa kesan persaingan ialah stabil dalam satu tempoh masa. (Brown, 1969; Paraskevopoulos 1971; Kuehn 1971; Floyd dan Sirmans 1973; Miller 1974; James dan Hughes 1973; Gerking 1976; Hellman 1976; Ireland dan Moomaw 1981; Gerking and Barrington 1981; dan Andrikoplous et al. 1990). Penggunaan *shift share* dalam perancangan strategik melibatkan magnitud tiga komponen analisis *shift share* dalam menilai kekuatan dan kelemahan perniagaan tempatan. *Shift share* juga berguna sebagai alat untuk menganalisis faktor penting yang mendorong pertumbuhan dalam ekonomi wilayah. (Curtis 1972; Randal 1973; Ledebur dan Moomaw 1983; Doeringer et al. 1987; Harris et al. 1987; Luke et al. 1988; Senf 1988). Penggunaan *shift share* dalam penilaian polisi selalunya secara umum untuk membandingkan saiz kesan kebersaingan bagi sebelum dan selepas perubahan dalam polisi. Sebarang perbezaan dalam saiz kesan kebersaingan menggambarkan ukuran yang kasar tentang impak bagi pengukuran polisi (Moore dan Rhodes 1973; Isseman dan Merrifield 1982; Bartels et al 1982; Terevo and Okko 1983; Mead dan Ramsay 1982; Grimes dan Ray 1988). Selain itu, ada juga kajian menfokuskan model *shift share* berguna dalam mendefinisi senario ekonomi berasaskan perbezaan komponen yang menyumbang kepada perubahan magnitud ekonomi. Walaupun secara umumnya metodologi yang digunakan berasas kepada hipotesis '*constant shift*' dan '*constant share*', pilihan tambahan boleh diambil kira berasas kepada jangkaan kelakuan mengenai kesan persaingan, membawa kepada senario yang realistik. Apabila pilihan ini dibangunkan, pendekatan ini diaplikasi kepada pendefinisian untuk masa depan evolusi bagi gunatenaga wilayah.

Kurre dan Weller (1989) menganalisis evolusi bagi kesan perbezaan mengikut teknik siri masa. Secara spesifiknya, kesan persaingan dianggar oleh min pergerakan purata dalam 3 tahun. Kajian lain oleh (Mustafa Dinc, Kingsley E. Haynes, 1999) mengenai membangunkan dan uji integrasi pelbagai set model untuk menyiasat sumber kecekapan dalam sektor industri wilayah. Ia mengikut (Haynes dan Dinc, 1997) penyambungan model *shift share*, iaitu sektor industri wilayah yang mendahului dapat dikenalpasti untuk analisis yang berasaskan daripada skala, produktiviti dan sumber bagi perubahan produktiviti. Kemudian dijalankan analisis pembalutan data (Data Envelopment Analysis) iaitu kecekapan bagi sektor ini akan disiasat dan masa depan persaingan bagi sektor ini akan dinilai. Akhir sekali, dijalankan analisis input-output ke dalam model dan impak transaksi intersektor ke atas kecekapan sektoral akan ditaksir. Hasilnya mendapati kecekapan atau ketakecekapan bagi setiap sektor secara umumnya bergantung kepada prestasi sektor itu sendiri (contoh: campuran input dan output) yang mana memberi kesan kepada permintaan spesifik dan ia hadapi situasi penawaran pada tiap titik masa dan ruang.

Shift share secara aktif telah digunakan dalam analisis wilayah dan penilaian kecekapan bagi polisi wilayah (Fothergill dan Gudgin, 1982; Mackay dan Thompson, 1979; Moore dan Rhodes, 1973 dan 1974; Moore, Rhodes dan Tyler, 1986; Perloff et al, 1960; Thirlwall, 1967 dan Tyler, 1980). Holden et al (1989) dalam kajian mereka tidak bersetuju bahawa *shift share* mempunyai beberapa nilai sebagai prosedur perakaunan, dan juga kebolehan *shift share*

bertindak sebagai teknik piawai masih dipersoalkan. Blien dan Wolf (2002) pula menggunakan pendekatan kesimpulan umum bagi analog ekonometrik bagi kaedah *shift share* biasa. Hasil kajian mereka di Jerman Timur mendapati proses ‘deconcentration’ memainkan peranan dalam menjelaskan ketidakseimbangan wilayah. Andrikopoulos et al (1990) menjelaskan perubahan dalam tarikan wilayah diukur melalui komponen kompetitif dalam model *shift share*. *Shift share* turut berguna untuk menganalisis corak gunatena dan mengenal pasti penyebabnya melalui analisis regresi.

4. Hasil Kajian

4.1. Hasil Regresi

Untuk bahagian ini, kesemua pemboleh ubah bebas diuji untuk mengetahui sama ada pemboleh ubah berkenaan mempengaruhi pemboleh ubah bersandar iaitu KDNK atau sebaliknya. Berdasarkan output E-Views, hasil penganggaran persamaan regresi dapat ditulis dalam persamaan seperti berikut:

$$\text{KDNK} = 3.6652 + 4.995L + 3.859\text{FDI} - 0.027\text{PD} + \varepsilon$$

Keputusan regresi linear menunjukkan nilai pekali penentu regresi (R^2) bagi model ini adalah bersamaan 0.99. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 99 peratus daripada perubahan yang berlaku dalam gunatena dapat diterangkan oleh pemboleh ubah penerang. Selebihnya, iaitu 1 peratus adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Interpretasi berkenaan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas boleh dibuat berdasarkan hasil penganggaran persamaan regresi. Contohnya, pemboleh ubah bagi pelaburan langsung asing (fdi) dan gunatena dalam sektor pembuatan (L) adalah berhubungan positif dengan KDNK. Sementara itu, pelaburan domestik berhubungan negatif ke atas KDNK. Ini bermakna peningkatan 1 peratus dalam L, akan meningkatkan 4.9 peratus KDNK. Peningkatan 1 peratus bagi FDI pula akan meningkatkan 3.8 peratus KDNK. Hanya pelaburan domestik yang berhubungan negatif dengan KDNK. Melalui kesignikan model pula dapat dilihat bahawa terdapat dua pemboleh ubah yang signifikan dalam mempengaruhi KDNK iaitu gunatena dalam sektor pembuatan (0.8990) dan FDI (0.8225) pada aras keertian 5 dan 10 peratus (rujuk Jadual 1). Secara jelasnya dapat dilihat bahawa kedua-dua pemboleh ubah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan prestasi KDNK di Malaysia.

Jadual 1: Hasil Penganggaran Persamaan Regresi

Pemboleh ubah	Sisihan Piawai	Statistik-t	Kebarangkalian
Konstan	3.0028	2.2908	0.2580
L	0.0303	-0.1463	0.8990
FDI	0.0274	0.2561	0.8225
PD	0.0132	-0.0144	0.1042

$$R^2 : (0.9177) \quad \bar{R}^2 : (0.9380) \quad DW : (1.503)$$

Berdasarkan kepada nilai F-statistik, model dalam menentukan gunatenaga lokasi industri yang dikaji secara umumnya adalah signifikan dan boleh diterima. Nilai F-statistik persamaan adalah 1111.523 dan model ini didapati signifikan kerana nilainya adalah lebih daripada jadual sebanyak 4.12 pada aras keertian 5 peratus. Ini menunjukkan bahawa keseluruhan model yang dibentuk adalah baik. Ujian masalah auto-korelasi dengan menggunakan Durbin Watson (DW) menunjukkan nilai DW yang diperolehi dengan berada di kawasan tidak pasti, di mana nilai DW dari jadual bagi $d_L = 0.38$ dan $d_U = 2.41$.

4.2. Analisis LQ Berdasarkan Pembolehubah Guna Tenaga

Analisis LQ bagi Wilayah Utara menunjukkan bahawa wilayah tersebut secara relatifnya mempunyai penumpuan guna tenaga yang tinggi dalam sektor pembuatan berbanding dengan sektor pertanian Malaysia bagi tempoh tiga tahun. Hal ini kerana nilai indeks LQ sektor pembuatan bagi Wilayah Utara pada tahun 2003, 2004 dan 2005 adalah lebih baik daripada satu iaitu masing-masing mencatatkan nilai 1.32, 1.08 dan 1.31. Sementara, nilai indeks LQ bagi sektor-sektor lain seperti perkhidmatan, pembinaan, pertanian dan perlombongan dan kuari adalah kurang daripada 1 kecuali bagi sektor pembinaan pada 2004.

Nilai indeks yang kurang daripada satu bermaksud bahawa Wilayah Utara mempunyai nisbah guna tenaga yang kecil dalam sektor tersebut berbanding sektor pembinaan negara. Wilayah Tengah adalah terdiri daripada empat buah negeri iaitu Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kelihatan Wilayah Tengah mempunyai penumpuan guna tenaga yang tinggi dalam sektor perkhidmatan pada 2003 berbanding dengan lain-lain sektor (lihat Jadual 2).

Jadual 2: Indeks LQ Mengikut Wilayah dari 2003 Hingga 2006

Wilayah	Sektor	LQ			
		2003	2004	2005	2006
Wilayah Utara	Pertanian	0.73	0.66	0.83	0.86
	Perlombongan dan Kuari	0.82	0.43	0.67	0.78
	Pembuatan	1.32	1.08	1.31	1.29
	Pembinaan	0.86	2.83	0.88	0.83
	Perkhidmatan	0.97	0.77	0.96	0.96
Wilayah Tengah	Pertanian	0.28	0.40	0.31	0.35
	Perlombongan dan Kuari	0.52	0.58	0.89	0.62
	Pembuatan	0.96	1.12	1.11	1.19
	Pembinaan	0.98	1.01	1.15	1.01
	Perkhidmatan	1.21	1.12	1.12	1.10
Wilayah Timur	Pertanian	1.50	1.49	1.55	1.57
	Perlombongan dan Kuari	1.82	1.40	1.62	1.22
	Pembuatan	0.62	0.59	0.60	0.59
	Pembinaan	1.23	1.22	1.22	1.23
	Perkhidmatan	0.97	0.98	0.96	0.96
Wilayah Selatan	Pertanian	0.85	0.78	0.69	0.69
	Perlombongan dan Kuari	0.65	0.63	0.80	1.28

	Pembuatan	1.53	1.55	1.54	1.52
	Pembinaan	0.93	0.89	0.89	1.02
	Perkhidmatan	0.84	0.88	0.91	0.89
Sabah	Pertanian	2.22	5.48	2.25	2.08
	Perlombongan dan Kuari	1.48	0.36	0.97	0.82
	Pembuatan	0.54	0.17	0.57	0.56
	Pembinaan	0.90	0.24	0.91	0.87
	Perkhidmatan	0.88	0.24	0.84	0.90
Sarawak	Pertanian	2.13	2.06	2.07	2.15
	Perlombongan dan Kuari	1.78	2.61	1.88	2.10
	Pembuatan	0.59	0.61	0.60	0.61
	Pembinaan	1.10	1.05	1.03	1.07
	Perkhidmatan	0.84	0.84	0.85	0.82

Analisis Mengikut Negeri Kurang Maju dan Negeri Maju

Pada tahun 2004, 2005 dan 2006 sektor pembinaan masih lagi merupakan penyumbang kepada penumpuan guna tenaga yang tinggi tetapi dengan trend yang semakin menurun. Sebaliknya sektor pembuatan dan pembinaan bagi Wilayah Tengah pula menunjukkan trend yang semakin meningkat daripada 0.96 dan 0.98 pada 2003 kepada 1.12 dan 1.01 pada 2004, 1.11 dan 1.15 pada 2005 dan mencapai nilai 1.19 dan 1.01 pada tahun 2006. Tidak seperti Wilayah Tengah, Wilayah Timur dilihat kurang bergantung terhadap sektor pembuatan kerana nilai LQ yang dicatatkan kurang daripada 1 bagi tempoh tiga tahun yang dikaji berbanding dengan sektor perlombongan dan kuari, pertanian dan pembinaan. Nampaknya, negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang masih lagi bergantung kepada sektor pertanian iaitu nilai LQ meningkat daripada 1.50 pada 2003 kepada 1.57 pada 2006. Manakala sektor perlombongan dan kuari dan pembinaan Wilayah Timur pula mempamerkan trend menurun dan malar tetapi ia masih lagi lebih baik daripada satu. Asas ekonomi Wilayah Selatan pula menunjukkan bahawa wilayah tersebut adalah bergantung kepada sektor pembuatan dari tahun 2003 sehingga 2006 iaitu dengan nilai indeks LQ yang tinggi. Sektor perlombongan dan kuari bagi negeri Johor meningkat secara tiba-tiba dari 0.80 pada tahun 2005 kepada 1.28 pada 2006 menunjukkan Johor cuba untuk bergantung kepada sektor ini. Sektor pembinaan negeri Johor juga mempamerkan trend yang serupa di mana nilai indeks pada tahun 2006 adalah 1.02. Penyumbang utama bagi ekonomi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan ialah sektor pertanian dan perlombongan dan kuari pada tahun 2003 hingga 2006 dan masing-masing mempunyai trend menurun. Sektor pembuatan dan pembinaan bagi wilayah ini didapati kurang memberi sumbangan berbanding dengan lain-lain sektor dalam ekonomi negara.

Berdasarkan kepada Jadual 3, indeks LQ yang dicatatkan oleh sektor pembuatan, perkhidmatan dan perkhidmatan negeri Selangor bagi tempoh 2003 hingga 2006 adalah melebihi 1 dan ini menyimpulkan bahawa jumlah guna tenaga negeri Selangor yang diserap oleh ketiga-tiga sektor tersebut adalah lebih baik daripada guna tenaga yang diserap oleh sektor yang sama bagi Malaysia.

Jadual 3: Indeks LQ Bagi Dua Negeri Kurang Maju dan Dua Negeri Maju Dari 2003 Hingga 2006

Wilayah	Sektor	LQ			
		2003	2004	2005	2008
Terengganu	Pertanian	1.24	1.20	1.12	1.08
	Perlombongan dan Kuari	3.28	0.33	3.51	2.85
	Pembuatan	0.63	0.68	0.67	0.67
	Pembinaan	1.47	1.48	1.52	1.53
	Perkhidmatan	0.99	0.97	0.98	1.00
Pahang	Pertanian	1.79	1.78	1.96	1.99
	Perlombongan dan Kuari	1.63	0.96	1.15	0.97
	Pembuatan	0.58	0.51	0.56	0.58
	Pembinaan	1.05	0.98	0.86	0.84
	Perkhidmatan	0.95	0.97	0.93	0.92
Melaka	Pertanian	0.48	0.57	0.53	0.47
	Perlombongan dan Kuari	0.50	0.17	0.53	0.27
	Pembuatan	1.34	1.28	1.26	1.47
	Pembinaan	1.08	1.02	0.89	0.96
	Perkhidmatan	0.99	1.01	1.05	0.98
<i>Selangor</i>	<i>Pertanian</i>	<i>0.23</i>	<i>0.26</i>	<i>0.25</i>	<i>0.20</i>
	<i>Perlombongan dan Kuari</i>	<i>0.32</i>	<i>0.01</i>	<i>1.08</i>	<i>0.62</i>
	<i>Pembuatan</i>	<i>1.16</i>	<i>1.11</i>	<i>1.34</i>	<i>1.18</i>
	<i>Pembinaan</i>	<i>1.01</i>	<i>1.03</i>	<i>1.22</i>	<i>1.03</i>
	<i>Perkhidmatan</i>	<i>1.14</i>	<i>1.16</i>	<i>1.04</i>	<i>1.14</i>

Mengikut Teori Asas Ekonomi bagi jumlah guna tenaga berlebihan yang diserap, sektor tersebut akan diklasifikasikan sebagai sektor asas. Bagi negeri-negeri kurang maju seperti Terengganu dan Pahang, sektor pertanian dan sektor perlombongan dan kuari merupakan sektor asas dalam menyediakan pekerjaan kepada penduduk di kedua-dua negeri tersebut. Bagaimanapun, perlombongan dan kuari merupakan sektor asas utama mendominasi dalam menyerap guna tenaga di kalangan rakyat Terengganu dan kemudian baru diikuti oleh sektor pembinaan dan pertanian bagi tempoh keempat-empat tahun tersebut. Peranan sektor pembuatan di Terengganu dan Pahang diamati tidak meluas seperti di negeri-negeri maju dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduknya. Dari tempoh 2003 hingga 2006, didapati sektor pembuatan merupakan sektor asas paling banyak menjana atau menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk Melaka. Nilai indeks yang melebihi daripada satu sepanjang tempoh tersebut iaitu yang mana masing-masing bernilai 1.34, 1.28, 1.26 dan 1.47 menunjukkan sumbangan sektor pembuatan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negeri Melaka. Sementara, sektor pertanian serta perlombongan dan kuari pula merupakan bukan sektor asas kerana nilai LQ kedua-dua sektor ini adalah kurang daripada satu.

4.3. Hasil Analisis Shift Share

Melalui Jadual 4, didapati bahawa sektor perkhidmatan memonopoli perubahan positif dalam pekerjaan dengan peningkatan kepada 60493900 pada tahun 2008 berbanding hanya 5254500 pada tahun 2004. Selain itu juga, berlaku peningkatan gunatenaga bagi sektor pembuatan dan perlombongan & kuari iaitu dengan peratus perubahan sebanyak 13.3 peratus dan 1.4 peratus. Kekurangan pengisian gunatenaga pula berlaku dalam sektor pertanian dan pembuatan menurun dengan kadar 1.2 peratus dan 0.95 peratus. Ini jelas menampakkan sektor perkhidmatan menjadi antara sektor yang berpotensi dalam menjana pertumbuhan ekonomi

beserta dengan industri pembuatan. Kedua-dua sektor ini selalunya dikuasai oleh negeri-negeri di wilayah maju berbanding mundur. Membandingkan kawasan wilayah maju dan mundur dengan ekonomi di Malaysia. Menggunakan tahun 2004 dan 2008 dengan jumlah gunatenaga dibahagikan kepada 5 sektor. Analisis boleh jadi berbeza bagi setiap tempoh masa. Wilayah maju meliputi negeri-negeri Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Wilayah mundur meliputi negeri-negeri Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

Jadual 4: Pengisian Gunatenaga Mengikut Sektor (Malaysia)

Malaysia			Perubahan dalam pekerjaan	Peratus perubahan
	2004	2008		
Jumlah Gunatenaga	10463700	11605900	1142200	10.9%
Pertanian	1406900	1389700	-17200	-1.2%
Perlombongan & Kuari	42600	43200	600	1.4%
Pembuatan	2972400	3369000	396600	13.3%
Pembinaan	767300	760000	-7300	-.95%
Perkhidmatan	5254500	6043900	789400	15%

Jadual 5 menunjukkan bahawa bagi nilai national share (NS) bagi kesemua wilayah adalah berkeadaan positif. Wilayah Utara dan Timur didapati mencatat jumlah tertinggi bagi sektor pertanian dalam penjanaan pekerjaan dengan nilai 5690 dan 6908. Bagi sektor perlombongan dan kuari tidak banyak wilayah yang memfokus kepada sektor tersebut. Ini disebabkan aktiviti perlombongan dan kuari pada masa sekarang tidak dijalankan dengan agresif seperti mana pada awal 70 dan 80-an dahulu. Sektor pembuatan dan perkhidmatan mencatat nilai yang positif dan kedua-duanya merupakan penjana terbesar pekerjaan untuk penduduk di semua wilayah. Wilayah Tengah dan Selatan merupakan antara penyumbang terbesar dengan nilai pembuatan (12234), perkhidmatan (28930) untuk wilayah Tengah, manakala bagi wilayah Selatan pula ialah pembuatan (1998) dan perkhidmatan (10761). Ini menunjukkan bahawa bagi wilayah maju, ia akan dapat menawarkan peluang pekerjaan yang tinggi kepada para pekerja. Ini seterusnya dapat menarik penduduk di wilayah mundur untuk datang berkhidmat di wilayah maju. Ini seterusnya dapat meningkatkan taraf dan kualiti hidup bagi mereka.

Jadual 5 juga turut menunjukkan bahawa bagi nilai industry mix (IM) bagi kesemua wilayah ada melibatkan dua keadaan iaitu mempunyai kelebihan dan kekurangan pekerjaan. Wilayah Utara mencatat jumlah kekurangan yang tinggi dalam sektor pertanian iaitu 5312 dan sektor pembuatan pula mencatat kelebihan pekerjaan dalam sektor pembuatan iaitu 1543. Bagi Wilayah Timur didapati mencatat jumlah kekurangan pekerjaan dalam sektor pertanian juga dengan nilai 1134 dan sektor pembuatan turut mempunyai kelebihan pekerjaan dengan nilai 643. Wilayah Tengah pula mencatat jumlah lebihan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan dengan nilai 4972 dan 19734. Bagi sektor pertanian mencatat jumlah kekurangan pekerjaan sebanyak 5009. Wilayah Selatan pula hampir sama dengan Wilayah Tengah iaitu mencatat lebihan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan

sebanyak 1653 dan 4289. Sektor pertanian di Selatan juga mengalami kekurangan pekerjaan dengan nilai 2395.

Bagi Wilayah Sarawak dan Sabah masing-masing menfokuskan kepada kelebihan pekerjaan di sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Hanya sektor pelombongan dan kuari yang mencatat kekurangan pekerjaan di kedua-dua wilayah tersebut dengan nilai 16 dan 40 bagi Sabah dan Sarawak. Melalui jadual analisis *shift share* bagi *regional shift* (RS) menunjukkan bahawa firma di Wilayah Tengah dan Selatan adalah lebih berdaya saing berbanding dengan wilayah lain dengan jumlah keseluruhan bagi penjanaan pekerjaan bagi sektor-sektor penting seperti pembuatan dan perkhidmatan mencapai pertumbuhan gunatega yang tinggi. Wilayah-wilayah lain hanya mencatat pertumbuhan yang sederhana sahaja.

Melalui Jadual 6, dibuat perbandingan antara wilayah maju dan wilayah mundur dan jelas menampakkan penjanaan yang tinggi bagi pekerjaan bagi wilayah maju iaitu Kuala Lumpur dan Selangor terutamanya bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan yang menawarkan peluang pekerjaan terutama bahagian NS dan IM. Hanya sektor pertanian dan perlombongan kuari yang mengalami kekurangan pekerjaan sebanyak 1980 dan 311 melalui bahagian IM. Manakala wilayah mundur yang diwakili oleh Kedah dan Kelantan lebih memfokus kepada sektor pertanian dalam penjanaan pekerjaan. Bagi sektor lain seperti pembuatan dan perkhidmatan pula agak perlahan dan tidak dapat menandingi dengan wilayah yang lebih maju. Oleh itu, jelas dengan keadaan ini, ramai penduduk wilayah mundur ini yang tidak mempunyai minat untuk bekerja dalam bidang pertanian lebih suka berhijrah ke negeri maju yang lebih mempunyai peluang luas dalam bidang pekerjaan terutamanya sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Jadual 5: Hasil Shift Share Mengikut Wilayah dari bagi tahun 2004 dan 2006


Wilayah	Sektor	Shift Share			Total
		NS	IM	RS	
Wilayah Utara	Pertanian	5690	-5312	-264	114
	Perlombongan dan Kuari	102	-35	-30	37
	Pembuatan	4121	1543	-190	5474
	Pembinaan	877	-330	-435	112
	Perkhidmatan	4430	790	865	6085
Wilayah Tengah	Pertanian	5540	-5009	-1204	-673
	Perlombongan dan Kuari	2998	-721	-2319	-42
	Pembuatan	12234	19734	-14216	17752
	Pembinaan	3456	-1250	823	3029
	Perkhidmatan	28930	4972	1171	35073
Wilayah Timur	Pertanian	6908	-1134	11	5785
	Perlombongan dan Kuari	22	4	40	66
	Pembuatan	452	643	-199	906
	Pembinaan	498	-213	-154	131
	Perkhidmatan	2980	541	178	3699
Wilayah Selatan	Pertanian	3470	-2395	-699	376

	Perlombongan dan Kuari	30	10	35	75
	Pembuatan	1998	4289	3300	9587
	Pembinaan	1009	-337	-409	263
	Perkhidmatan	10761	1653	-2556	9858
Sabah	Pertanian	78	24	14	116
	Perlombongan dan Kuari	43	-16	21	48
	Pembuatan	450	102	100	652
	Pembinaan	557	134	97	788
	Perkhidmatan	241	210	75	526
Sarawak	Pertanian	101	49	30	180
	Perlombongan dan Kuari	24	-40	12	-4
	Pembuatan	567	123	92	782
	Pembinaan	239	47	90	376
	Perkhidmatan	215	112	106	433

Jadual 6: Hasil Shift Share Bagi Dua Negeri Kurang Maju dan Dua Negeri Maju Dari 2004 hingga 2006

Wilayah	Sektor	Shift Share			
		NS	IM	RS	Total
Kedah	Pertanian	2313	210	-119	2642
	Perlombongan dan Kuari	30	-103	-10	-83
	Pembuatan	1190	118	-147	1161
	Pembinaan	209	888	-132	965
Kelantan	Perkhidmatan	1457	189	278	1924
	Pertanian	3450	990	7	4447
	Perlombongan dan Kuari	13	-1	12	24
	Pembuatan	198	267	-45	420
Kuala Lumpur dan Selangor	Pembinaan	114	-99	-68	-53
	Perkhidmatan	765	211	24	1000
	Pertanian	2090	-1980	-1009	-899
	Perlombongan dan Kuari	1889	-311	-1897	-319
	Pembuatan	9734	14432	-11232	12934
	Pembinaan	2455	-954	549	2050
	Perkhidmatan	20987	2831	999	24817

Rajah 1 menunjukkan perbezaan purata pendapatan antara negeri maju dengan negeri mundur. Keadaan ini menjawab mengapa anak-anak muda berminat untuk mendapatkan pekerjaan yang banyak di tawarkan oleh sektor pembuatan di wilayah maju.



Rajah 1: Purata Pendapatan Pekerja Wilayah Maju dan Wilayah Mundur, 1975-2006


Jadual 7 menunjukkan kadar urbanisasi yang berlaku antara negeri. Selain daripada Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Selangor telah menjadi negeri yang diurbanisasi dengan melebihi nilai 80%. Didapati untuk negeri Pulau Pinang dan Selangor, populasi bandar telah meningkat daripada 51% kepada 86% dan 40% kepada 89%. Pulau Pinang telah menjadi pusat pertumbuhan bagi wilayah utara dan sebagai pemonopoli bagi sektor pembuatan di Malaysia. Antara negeri yang terendah bagi tahun 2005 ialah Kedah, Kelantan dan Perlis yang masing-masing hanya mencatat 39.8%, 33.4, dan 35.1% sahaja. Kadar perbandaran di Selangor, Pulau Pinang, Melaka dan Johor lebih tinggi berbanding kadar perbandaran negara terutama disebabkan wujudnya lebih banyak peluang pekerjaan lebih-lebih lagi yang ditawarkan oleh sektor pembuatan. Senario ini juga disokong oleh Rajah 2 yang jelas menunjukkan kadar urbanisasi yang berbeza.

Jadual 7: Kadar Urbanisasi Negeri di Malaysia, 1970 - 2010.

Negeri	Kadar Urbanisasi (%)					
	1970	1980	1990	2000	2005	2010
Wilayah Persekutuan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Selangor	39.5	34.2	75.0	87.7	88.4	89.1
Pulau Pinang	51.0	47.5	75.3	79.7	79.8	80.0
Perak	27.5	32.2	54.3	59.1	59.3	59.3
Johor	26.3	35.2	48.0	64.8	66.5	67.7

Negeri Sembilan	21.6	32.6	42.5	54.9	56.3	57.4
Melaka	25.1	23.4	39.4	67.5	70.6	73.4
Kedah	12.6	14.4	33.1	39.1	39.8	40.3
Pahang	19.0	26.1	30.6	42.0	43.5	44.6
Kelantan	14.1	28.1	33.7	33.5	33.4	33.3
Terengganu	27.0	42.9	44.6	49.4	49.8	50.3
Perlis	8.9	26.7	30.4	34.0	35.1	35.9
Sabah	16.9	19.9	32.8	48.1	49.8	51.6
Sarawak	15.5	18.0	38.0	48.1	49.5	50.6

Bagaimanapun mulai Oktober tahun lalu sehingga April tahun ini, 17,436 pekerja tempatan diberhentikan secara tetap akibat kelembapan ekonomi dunia, manakala 7,418 diberhentikan kerja secara sukarela. Majoriti daripada pekerja yang diberhentikan daripada subsektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan. Dengan komitmen dan usaha berterusan daripada kementerian, sehingga 30 April lalu, 7,285 pekerja yang diberhentikan kerja berjaya ditempatkan semula (Berita Harian 3 Mei 2009). Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu harus difikirkan sektor lain yang dapat memberi jaminan yang lebih baik pada masa hadapan.



Sumber: Rancangan Malaysia (pelbagai tahun)

Rajah 2: Kadar urbanisasi di wilayah maju dan kurang maju di Malaysia, 1980 – 2005

5. Rumusan Kajian

Kajian ini dibuat untuk mengkaji sektor manakah yang dapat menjanakan pekerjaan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi wilayah, berbanding dengan sektor yang lain. Kajian ini juga melihat ketakseimbangan wilayah yang berlaku di Malaysia dan membandingkan dua negeri miskin yang terdiri daripada negeri Terengganu dan Pahang dan

dua buah negeri kaya iaitu Selangor dan Melaka. Dengan menggunakan kaedah analisis *LQ* keputusan kajian mencadangkan bahawa bagi tempoh 1970 hingga 1990 dan bagi tempoh 2003 hingga 2006, aktiviti-aktiviti ekonomi di wilayah mundur iaitu wilayah timur, Sabah dan Sarawak adalah tertumpu dalam sektor pertanian. Manakala bagi wilayah maju seperti Wilayah Tengah, aktiviti-aktiviti ekonominya adalah tertumpu dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Ia juga benar bagi negeri miskin seperti Terengganu dan Pahang yang juga dicirikan dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang tertumpu dalam sektor pertanian. Sementara itu, sektor pembuatan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri maju seperti Selangor dan Melaka. Untuk membolehkan negeri mundur mencapai tahap yang sama seperti negeri maju, analisis *LQ* beserta *shift share* telah mencadangkan agar negeri mundur mengembangkan sektor ekonomi seperti sektor pembuatan dan pembinaan sebagai salah satu cara ke hadapan untuk meningkatkan pendapatan dikalangan penduduk.

Oleh itu, strategi-strategi baru dan dasar-dasar untuk menggalakkan industri asas tani berteknologi tinggi pada masa hadapan dan sasaran bagi industri-industri baru atau perniagaan seharusnya menjadi agenda kerajaan negeri dan perlu diberi perhatian. Kerajaan berpandangan masih banyak yang perlu dilakukan untuk mengurangkan jurang antara wilayah maju dan wilayah miskin. Maka dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah melancarkan lima koridor pembangunan seperti Wilayah Pembangunan Johor Selatan yang dikenali sebagai Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) untuk menyempitkan jurang antara negeri maju dan negeri mundur di Malaysia.

Rujukan

- Andrikopolous, A., J. Brox and E. Carvalho. 1990. "Shift-Share Analysis and the Potential for Predicting Regional Growth Patterns: Some Evidence for the Region of Quebec, Canada," *Growth and Change*, 21(1):1-10.
- Barro R.J, Sala-i-Martin, X. 1991. Convergence across states and regions. *Brookings Papers on Economic Activity I*: 107-182.
- Barro R.J, Sala-i-Martin, X. 1991. Convergence. *Journal of Political Economy*, 100: 233-251.
- Barro R.J, Sala-i-Martin, X. 1991. *Economic Growth*. McGraw-Hill, New York.
- Barro, R.J. 1991. Economic growth in a cross section of countries. *Quarterly Journal of Economics* 106, 407-443.
- Barro, R.J., Sala-i-Martin, X. 1992. Regional growth and migration: a Japan-United States comparison. *Journal of the Japanese and International Economies* 16, 312-346.
- Blien, U. Wolf. Regional development of employment in eastern Germany: an analysis with an econometric analogue to shift-share techniques. *Papers Reg. Sci.* 81, 391-414 (2002).
- Curtis, Wayne, C. 1972. "Shift-Share Analysis as a Technique in Rural Development Research," *American Journal of Agricultural Economics*, 54(2):267-270.
- Danyl R. Holden, Alasdair G. M. Naim and J. K. Swales, 1989. Shift-Share Analysis Of Regional Growth And Policy: A Critique*. *Oxford Bulletin Of Economics And Statistics*, 51, 1 (1989).
- Fother, S, & Gudgin, G. (1982). *Unequal Growth: Urban and Regional Employment Change in the UK*, Heinemann Educational Books, London.
- Frank S.T. Hsiao dan Changsuh Park (2002). 'Korean and Taiwanese Productivity Performance -- Comparisons at Matched Manufacturing Levels'. Working Paper No. 02-12.
- Gerking, Shelby D. and Joseph Barrigton. 1981. "Are Regional Share Effects Constant Over Time?" *Journal of Regional Science* 21(2):163-174.
- Grimes, Paul W. And Margaret A. Ray. 1988. "Right-to-Work Legislation and Employment Growth in the 1980s: A Shift-Share Analysis," *Regional Science Perspectives* 18(2):78-93. Joel Popkin and Company (2003),

- 'Securing America's Future: The Case for a Strong Manufacturing Base.' NAM Council of Manufacturing Associations.
- Hamri Tuah and Shazali Abu Mansor (2004), 'An Application Of Kaldor's Growth Laws In South East Asia: A Time Series Cross Section Analysis'. *Labuan Bulletin of International Business & Finance* 2(2), 2004, 147-166
- Hirschman, A.O. (1958) *The strategy of economic development*. Working Paper, Yale University Press, New Haven.
- Hellman, Daryl A. 1976. "Shift-Share Models as Predictive Tools," *Growth and Change*, 7(3):3-8.
- Hoover, M.E. & Giarratani, F. 1999. *An Introduction to Regional Economics*, in: *Web Book of Regional Science*. Regional Research Institute. West Virginia University.
- Ireland, T.C. and R. L. Moomaw. 1981. "The Competitive Effect in Shift-Share Analysis: A Will of the Wisp?" *Review of Regional Studies*, 11:72-82.
- Isserman, Andrew M and John Merrifield. 1982. "The Use of Control Groups in Evaluating Regional Economic Policy," *Regional Science and Urban Economics* 12:43-58. James, Franklin Jr. and James Hughes. 1973. "A Test of Shift and Share Analysis as a Predictive Device," *Journal of Regional Science*, 13(2):223-31.
- Kaldor, N. (1967) *Strategic Factors in Economic Development*. Ithaca, New York: Cornell University Press.
- Kearns, A. (1997). "To R&D or not to R&D, that is the Question": A Firm Level Study of Employment Growth in the Irish Manufacturing Sektor, 1986-95.
- Ledebur, Larry C. and Ronald L. Moomaw. 1983. "A Shift-Share Analysis of Regional Labor Productivity in Manufacturing," *Growth and Change*, 14(1):2-9.
- Leon-Ledesma, M.A. (2000) Economic growth and Verdoorn's Law in the Spanish regions: 1962-91. *International Review of Applied Economics*, 14(1), 55-70.
- Levine, R., Renelt, D. 1992. A sensitivity analysis of cross-country growth regressions. *American Economic Review*, 82(4): 942-963.
- Malaysia. 2001-2006. *Investigation Labor Report*. Pencetakan Nasional
- Malaysia. 2006-2010. *Ninth Malaysian Plan*. Pencetakan Nasional
- Malaysia. 2005-2007. *Bank Negara Malaysia Annual Report*. Percetakan Nasional
- Malaysia 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Kebangsaan.
- Mackay, R R. and Thompson, L. (1979). 'Important Trends in Regional Policy and Regional Employment: A Modified Interpretation', *Scottish Journal of Political Economy*, Vol. 26, pp. 233-60.
- Moore, B. C, Rhodes, J. & Tyler, P. (1986). *The Effects of Government Reffonal Policy*, Her Majesty's Stationery Office, London.
- Mustafa Dinc, Kingsley E. Haynes, 1999. 'An integrated shift-share, data envelopment analysis and input-output approach'. *Ann Reg Sci* (1999) 33:469-489.
- Moore, B.C. and J. Rhodes. 1973. "Evaluating the Effects of British Regional Economic Policy," *Economic Journal*, 83(1):87-110.
- Paraskevoloulos, Christos C. 1971. "The Stability of the Regional-Share Component: An Empirical Test," *Journal of Regional Science*, 11(1):113-4.
- Perloff, H. S., Dunn, E. S., Lampard, E. E. and Muth, R F. (1960). *Regions, Resources and Economic Growth*, John Hopkins Press, Baltimore.
- Rajiv Kumar and Abhijit Sen Gupta (2008). 'Towards A Competitive Manufacturing Sektor'. Indian Council For Research On International Economic Relations.
- Rosenstein-Rodan, P.N. (1943) Problems of industrialisation of Eastern and South Eastern Europe. *Economic Journal*, 53, 202-211.
- Rostow, W.W. (1960) *The Stages of Economic Growth*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sen, David R. 1988. "Shift-Share Analysis of Rural Retail Trade Patterns," *Regional Science Perspectives*, 18(2):29-43.
- Steven McCoy, and Kevin T. McNamara, 1998. *Manufacturers in Indiana: Structure and Size*. *Research Report No. 19 July 1998*. Department of Agricultural Economics Purdue University West Lafayette, Indiana.
- Tervo, Hannu and Paavo Okko. 1983. "A Note of Shift-Share as a Method of Estimating the Employment Effects of Regional Economic Policy," *Journal of Regional Science*, 23(1):115-121
- Thirlwall, A. P. (1967). A Measure of the "Proper Distribution of Industry", *Oxford Economic Papers*, Vol. 19, pp. 46-58.
- Tyler, P. (1980). *The Impact of Regional Policy on a Prosperous Region: The Experience of the West Midlands*, *Oxford Economic Papers*. Vol 32, pp. 151-62.